

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama

TARIKH : 11 Ogos 2024

SITASI :

M/S :

Bank buku perpustakaan awam negeri terima sumbangan orang ramai. (2024b, August 11). *Bernama*. Retrieved August 19, 2024, from <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2328008>.



### Bank Buku Perpustakaan Awam Negeri Terima Sumbangan Orang Ramai

🕒 11/08/2024 05:50 PM



Timbalan Menteri Perpaduan Negara Senator Saraswathy Kandasami menyampaikan ucapan pada Program 'Dariku Untukmu' dan Majlis Sumbangan Buku kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Kedah yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil dan Persatuan Penulis Tamil Iyal Malaysia, hari ini.

ALOR SETAR, 11 Ogos (Bernama) -- Orang ramai digalakkan menyumbang buku-buku bersesuaian melalui bank buku di setiap Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri untuk diagihkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perpaduan K. Saraswathy berkata usaha itu merupakan antara inisiatif meningkatkan bahan bacaan di SJKT, sekali gus menyuburkan budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah tersebut.

"Penubuhan bank buku di seluruh negara sejak lebih kurang sebulan lepas membolehkan orang ramai menderma buku-buku yang tidak digunakan dan berada dalam keadaan yang masih boleh digunakan, daripada terbiar sahaja di almari buku anda.

"Saya menyeru kepada semua pihak agar perkara ini diwar-warkan dengan meluas dan sumbangan buku boleh disalurkan terus kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri di setiap negeri," katanya pada Program Dariku Untukmu dan Majlis Sumbangan Buku Kepada 16 SJKT di Kedah di sini, hari ini.

Beliau berkata inisiatif itu akan dilaksanakan bukan sahaja sehingga hujung Ogos ini malah akan berterusan sebelum buku-buku yang diterima diagihkan kepada SJKT yang akan dikenal pasti.

Menurutnya program pertama agihan buku di Lembah Kelang telah dilaksanakan pada 17 Julai lepas membabitkan lapan SJKT dari Selangor dan tiga dari Kuala Lumpur.

Saraswathy berkata bagi program di Kedah hari ini, sebanyak 3,200 naskhah buku telah diagihkan meliputi pelbagai bidang seperti fiksyen kanak-kanak dan dewasa, pendidikan, bahasa dan sastera, bacaan ringan, motivasi dan nilai-nilai murni.

-- BERNAMA

**Sumber : <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2328008>**